



**TEKS UCAPAN ALUAN
YABHG DATIN SERI UTAMA HJH. MUNIRA BINTI M. YUSOP
PENGERUSI BISTARI NEGERI MELAKA
SEMPENA
MESYUARAT AGUNG KHAS BISTARI
NEGERI MELAKA**

TARIKH: 15 OGOS 2021 (AHAD), MASA: 02.00 PETANG

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat
Bahagia, Menggamit Dunia.

“BISTARI Bersedia, Bersatu, Berjaya”

Kehadapan,
Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Wira (Dr.) Hajah
Asmah Binti Ab Rahman,
Isteri kepada Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr.)
Haji Mohd Ali Bin Mohd Rustam, Yang di-Pertua Negeri
Melaka;

MUKADIMAH

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT, kerana dengan rahmat dan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama menghadiri **Mesyuarat Agung Khas**

BISTARI Negeri Melaka secara atas talian (*google meet*) pada petang ini.

2. Pertamanya, bagi pihak BISTARI, saya mengalu-alukan kehadiran Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Wira (Dr.) Hjh. Asmah di atas kesudian menghadiri **Mesyuarat Agung Khas BISTARI Negeri Melaka.**
3. Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Wira, seterusnya, saya memohon izin untuk berucap kepada sekalian hadirin yang menyertai mesyuarat secara maya pada hari ini.

Yang Berbahagia Datin Seri Zuriyah Binti Abdul Aziz,
Isteri Speaker Dewan Undangan Negeri Melaka;

Yang Berbahagia Datin Seri Hajah Zainun Binti Tun
Abdul Ghafar,
Timbalan Pengerusi BISTARI Negeri Melaka;

Yang Berbahagia Datin Mazni Binti Ramli,
Setiausaha BISTARI Negeri Melaka;

Yang Berbahagia Datin Wira Datuk Hajah Halimah Binti
Baba,
Pemimpin Bacaan Doa;

Seterusnya Barisan Ahli Jawatankuasa dan Ahli-ahli
BISTARI Negeri Melaka yang dihormati dan dikasihi
sekalian.

4. Terlebih dahulu, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua ahli-ahli BISTARI yang dapat bersama-sama turut serta dalam mesyuarat pada hari ini.

5. Sesungguhnya kehadiran semua ahli-ahli BISTARI membuktikan betapa tingginya komitmen semua dalam melaksanakan amanah dan tanggungjawab yang kita pikul bersama-sama ini.

6. Hari ini genap sebulan dari tarikh Mesyuarat Agung Tahunan yang telah diadakan pada 15 Julai 2021 yang lalu. Susulan daripada mesyuarat tersebut, ada beberapa perkara yang perlu diselesaikan dalam Mesyuarat Agung Khas pada kali ini seperti Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Wira & Ahli-ahli BISTARI telah sedia maklum.

7. Saya optimis, platform secara atas talian ini juga bermanfaat sebagai medan yang dapat kita gunakan untuk mengemukakan sebarang cadangan dan pandangan yang mahu sama-sama dikongsikan pada hari ini, demi memastikan matlamat penubuhan BISTARI dapat dicapai. Akhir kata, besarlah harapan saya agar Mesyuarat Agung Khas kali ini berjalan dengan lancar dan jayanya.

Yang Amat Berbahagia Toh Puan, demikianlah ucapan saya kepada hadirin sekalian.

8. Sesungguhnya kami di BISTARI berasa begitu bertuah kerana hari ini, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Wira dapat bersama-sama meluangkan masa dalam **Mesyuarat Agung Khas BISTARI** yang diadakan secara maya. Terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Wira di atas kesudian bersama kami pada hari ini.

9. Dengan kata-kata itu, tanpa melengahkan masa, marilah kita bersama-sama memulakan Mesyuarat Agung Khas BISTARI Negeri Melaka.

10. Dengan ini saya mempersilakan pengacara majlis untuk meneruskan agenda mesyuarat pada petang ini.

Sekian,

Wabillahitaufikwalhidayah,
Warahmatullah-Hiwabarakatuh.

Wassalamualaikum

- TAMAT-